

# Yuran IPTA kita jauh murah

Metro 1/7/13 Ms 27

■ Di Malaysia program pengajian 3 tahun bernilai RM3,200 manakala di Singapura RM17,600 hanya untuk belajar setahun

Ada pihak yang menyatakan kos pengajian di institut pengajian tinggi awam (IPTA) terlalu tinggi, lantas menyarankan agar ia diturunkan. Malah, ada pihak yang mendesak agar pendidikan diberikan secara percuma. Setakat manakah kebenaran pernyataan itu?

Untuk memastikannya, kita perlu membandingkan yuran pengajian IPTA tempatan dengan universiti di luar negara.

Memandangkan rakyat negara ini sering menjadikan 'kelas dunia' sebagai penanda aras, moleklah jika kita membandingkan yuran IPTA kita dengan universiti luar negara berkelas dunia seperti National University of Singapore (NUS) dan Hong Kong University of Science and Technology (HKUST).

Di NUS, yuran terendah untuk satu program pengajian setahun ialah kira-kira ASS5,500 (RM17,600).

Di Malaysia, yuran untuk program yang sama ialah kira-kira ASS1,000 (RM3,200) untuk keseluruhan tempoh pengajian tiga hingga empat tahun.

Yuran pengajian untuk program Sarjana Pentadbitaran Perniagaan di Malaysia berjumlah antara ASS6,300 (RM20,160) dan ASS11,000

(RM32,000), manakala di HKUST, yuran pengajian bagi program yang sama berjumlah hampir ASS150,000 (RM480,000).

Yuran yang tinggi membolehkan universiti luar negara ini berbelanja besar untuk meletakkan diri mereka di puncak dunia pendidikan tinggi.

Mereka boleh membayar gaji yang tinggi untuk mendapatkan dan mengekalkan ilmuwan terbaik.

Mereka boleh membina kemudahan yang moden untuk pengajaran dan pembelajaran berlaku secara kondusif.

Mereka boleh memberikan biasiswa yang lumayan untuk menarik pelajar terbaik dari seluruh dunia belajar di universiti mereka.

Alumni mereka juga sangat pemurah dalam menyumbangkan wang tanpa syarat.

Britain pernah memberikan pendidikan percuma di peringkat pengajian tinggi kepada penduduknya.

Namun, akhirnya kerajaan mereka sedar yang model berkenaan tidak boleh bertahan lama dan kini mengenakan yuran berjumlah ASS5,000 (RM16,000) untuk satu program pengajian.

Negara Scandinavia yang masih memberikan pendi-

dikan percuma di peringkat tinggi sekarang sudah sedar yang model mereka tidak boleh bertahan selamanya.

Tanpa sumber kewangan yang tinggi, universiti mereka tidak mampu bersaing dengan universiti terbaik di peringkat dunia.

Jika dibandingkan dengan contoh di atas, yuran IPTA kita masih jauh lebih rendah.

Ini disebabkan pengajian tinggi di IPTA disubsidi tinggi oleh wang rakyat. Pelajar juga diberikan kemudahan pinjaman dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Seharusnya, ia lebih memotivasikan pelajar untuk menimba ilmu sebanyak mungkin untuk membina kerjaya dan membayar balik pinjaman berkenaan.

Dana yang dikumpulkan daripada yuran dan subsidi wang rakyat itu pun sebenarnya belum mencukupi untuk menjadikan IPTA kita berdaya saing di peringkat global.

Jika kita mahukan kualiti, kita harus bersedia untuk mengeluarkan bayaran yang lebih tinggi.

**Shamsul Bahri Zakaria,**  
**PhD**  
**Fakulti Perniagaan**  
**dan Perakaunan**  
**Universiti Malaya**